NO. SOALAN: 64

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW
[SIBU]

TARIKH : 12 MAC 2014

RUJUKAN : 6485

SOALAN:

Tuan Oscar Ling Chai Yew [SIBU] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kos dalam mengimplimentasikan MyImmigration System di seluruh negara. Apakah kebaikan sistem ini berbanding dengan sistem lama. Kamera yang diguna oleh sistem itu, berapakah jumlah resolusinya.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kos keseluruhan projek *My Immigration System* (myIMMs) adalah sebanyak RM29.9 juta. Sistem myIMMs adalah sistem teknologi maklumat Jabatan Imigresen Malaysia yang telah dibangunkan bagi menyokong operasi Jabatan dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada orang awam, agensi luar dan pihak pengurusan yang berkenaan.

Sistem myIMMs ini merangkumi tiga (3) komponen yang saling berkait rapat bagi membolehkan pengguna melaksanakan sesuatu urusniaga/transaksi seperti permohonan pasport, pengeluaran visa dan pas atau pemeriksaan masuk pelawat asing yang melibatkan proses kemasukan, pemprosesan dan pengesahan maklumat, penghantaran maklumat dari pejabat Imigresen ke pengkalan data dan penyimpanan maklumat di pengkalan data di Pusat Data.

Untuk meningkatkan perkhidmatan kepada orang awam di dalam pengurusan permohonan Pasport Malaysia, sistem *facial live capture* telah dibangunkan dan diintegrasikan dengan sistem myIMMs di mana penggunaan *facial live capture* akan bermula pada 1 Mac 2014 dan melibatkan semua pejabat Pasport di kawasan Lembah Klang. Pemasangan sistem *facial live capture* di semua pejabat pasport di seluruh negara termasuk di luar

negara akan dilaksanakan secara berperingkat dalam tahun 2014. Jumlah kos yang terlibat di dalam pemasangan sistem *facial live capture* ini adalah sebanyak RM5.9 juta. Jumlah resolusi kamera yang digunakan adalah 12.2 *mega pixel.*